

Mahathir anggap tuduhan pembangkang bahaya

AMBIL TANAH TAK KIRA KAUM

4 AUG 1991
KUALA LUMPUR 3 Ogos — Kerajaan tidak akan menggunakan sentimen perkauman dalam segala urusan pengambilan tanah, tegas Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menyifatkan tuduhan parti-parti lawan kononnya kerajaan meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan merampas tanah kepunyaan bukan bumiputera sebagai tidak berasas dan membahayakan.

"Dalam pengambilan apa juga tanah, kerajaan tidak mengambilkira sama ada ia kepunyaan bumiputera atau bukan bumiputera," katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan ke-20 di sebuah hotel di sini.

Beliau berkata, bukanlah cara pemerintahan Barisan Nasional (BN) untuk mengambil tanah berdasarkan kaum khususnya tanah orang-orang bukan Melayu.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan demikian sebagai mengulas isu pengambilan tanah yang telah dieksploitasi oleh parti-parti lawan khususnya dalam kempen pilihan raya kecil Perai baru-baru ini.

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

AMBIL TANAH TAK KIRA KAUM

4 AUG 1991
Sebenarnya, kata Perdana Menteri, adalah penting kerajaan diberi kuasa mendapatkan tanah untuk tujuan pembangunan yang berterusan kerana ia merupakan aset yang kian susut.

"Pindaan tersebut adalah untuk kebaikan bersama rakyat memandangkan bilangan penduduk yang bertambah dan juga keperluan pembangunan."

"Seperti yang diketahui tidak banyak lagi tanah yang masih tinggal, jika kerajaan gagal melaksanakan rancangan pembangunan kerana kekurangan tanah, rakyat juga yang akan mengalami kerugian," tambah beliau.

Menurut Perdana Menteri, rakyat akan mendixita jika kerajaan tidak dapat mendirikan rumah, hospital, jalan raya, sekolah dan lain-lain kemudahan disebabkan kerana tidak

ada lagi tanah.

Menuduh pindaan itu dibuat bermotivasi perkauman untuk mengambil tanah daripada sesuatu kaum adalah tuduhan yang tidak logik dan membahayakan, ujanya.

Sebagai kerajaan yang dipilih oleh rakyat, beliau menjelaskan, kerajaan tidak akan mengambil tanah rakyat jika tidak atas sebab kepentingan nasional.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, kerajaan akan memberi pampasan yang berpatutan dalam urusan mengambil tanah dan jika rakyat tidak puas hati dengan jumlah pampasan itu, mereka boleh membawa kes itu ke mahkamah.

Beliau menjelaskan, langkah parti-parti lawan memutarbelitkan tujuan kerajaan itu adalah untuk kepentingan mereka sendiri.